



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)

## AKAUN EMAS YaPEIM (SERY)

Tarikh :

## RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil AKAUN EMAS YaPEIM (SERY). Pastikan juga membaca Terma dan Syarat produk ini. Dapatkan penjelasan dari kami sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau istilah umum)

### 1. Apakah Akaun Emas YaPEIM (Akaun SERY)

Akaun Emas YaPEIM atau singkatannya Akaun SERY adalah suatu produk baharu yang diperkenalkan oleh YaPEIM yang bertujuan untuk membolehkan pelanggan menjual, membeli dan menyimpan emas pada harga harian SERY dalam Ringgit Malaysia (RM) secara mudah dan selamat. Melalui Akaun SERY pelanggan akan dapat menikmati faedah-faedah berikut:

- Kemudahan membeli dan menjual emas di mana-mana cawangan Ar Rahnu YaPEIM seluruh Malaysia dan juga melalui website/memuat turun aplikasi mudah alih di telefon bimbit (Apple, Android, Huawei).
- Simpanan yang lebih selamat disebabkan dilindungi dengan takaful. Sekiranya terdapat sebarang kerugian yang terpaksa ditanggung oleh pelanggan atas sebab kecuaian dan/ atau kesalahan KYB semasa di dalam simpanan KYB seperti kecurian, hilang atau musnah, pihak KYB akan membayar pampasan nilai barang emas sewaktu ia ditafsirkan.
- Harga emas yang berpatutan kerana menggunakan harga emas antarabangsa.
- Minimum pembelian yang kecil iaitu RM5.
- Peluang keuntungan dengan kenaikan harga emas.
- Emas merupakan medium simpanan dan pelaburan yang kukuh di masa hadapan.
- Mendapat nasihat bagi pengurusan kewangan melalui pelaburan emas.
- Kemudahan bayaran zakat emas. (\*Tertakluk kepada cawangan)
- Kemudahan pembahagian faraid

### 2. Apakah kontrak Syariah yang digunakan di Akaun SERY?

#### a) Bai' al-Sarf

Merupakan satu kontrak Syariah yang digunakan bagi transaksi pertukaran matawang samada daripada jenis yang sama atau pun berlainan. Dalam konteks SERY Digital, ia melibatkan pertukaran di antara dua matawang yang berbeza jenis iaitu emas digital dan Ringgit Malaysia (RM). Syarat utama bagi transaksi pertukaran dua jenis matawang yang berbeza ini adalah berlakunya penyerahan kedua-dua jenis matawang tersebut secara lani (on the spot) di dalam majlis aqad.

Bank Negara Malaysia (BNM) melalui Dokumen Polisi Bai' al-Sarf telah menjelaskan bahawa pertukaran kedua jenis matawang dalam kontrak tersebut perlu berlaku secara lani dalam majlis aqad. Keputusan Mesyuarat Majlis Penasihat Shariah (MPS) BNM Ke-179 juga telah menggariskan perkara yang sama berkaitan transaksi secara lani tersebut.

Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) dalam Dokumen Standard Syariah No. 1: Jual Beli Matawang (standard 2/6/5) turut menyatakan bahawa serahan lani secara konstruktif boleh berlaku melalui

perpindahan wang secara dalam talian (online transfer).

Pembelian/Penjualan emas digital SERY Digital yang telah distruktur dengan kaedah serahan secara konstruktif adalah memenuhi kehendak Syariah.

**b) Ju'alah**

Merupakan kontrak Syariah yang digunakan dalam memberikan imbuhan yang disepakati atas suatu pekerjaan tertentu belum pasti bila akan dapat dilaksanakan. Dalam konteks SERY Digital, pelanggan yang berkongsi “Introducer ID” mereka kepada rakan-rakan lain akan mendapat komisen apabila ada pelanggan baru yang membuka akaun dan melanggan produk SERY hasil daripada perkongsian “Introducer ID” tersebut.

Majoriti fuqaha’ mazhab Maliki, Syafi’ie dan Hanbali menerima kontrak ju’alah sebagai patuh Syariah

**c) Ujrah**

Merupakan jumlah bayaran patuh Syariah yang dikenakan bagi setiap perkhidmatan termasuk faedah-faedah dan hak keistimewaan tertentu yang disediakan. Sebelum melanggan produk SERY, pelanggan perlu membuat pembayaran yuran keahlian sekali seumur hidup KYB berdasarkan konsep ujrah ini.

Bagi pelanggan yang ingin mengeluarkan simpanan emas mereka dalam bentuk fizikal, ujrah turut dikenakan bagi membiayai kos penukaran emas digital kepada emas fizikal tersebut.

**3. Apakah yang boleh saya perolehi dari produk ini?**

Ciri-ciri	Penerangan
<b>Pelanggan yang disasarkan</b>	<p><b>Individu</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>a. Menjadi Ahli Skim di bawah Koperasi YaPEIM Berhad</li><li>b. Warganegara</li><li>c. Mempunyai emas dan/atau wang</li><li>d. Berumur tidak kurang dari 18 tahun mengikut tarikh kelahiran</li></ul> <p><b>Nota:</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Kriteria di atas adalah tertakluk kepada polisi YaPEIM dari semasa ke semasa</li><li>2. Akaun SERY tidak dibuka kepada bukan warganegara Malaysia sehingga diberitahu kelak</li></ol>
<b>Objektif Pulangan</b>	<p><b>Produk ini tidak menjamin sebarang keuntungan.</b></p> Keuntungan anda adalah daripada potensi peningkatan nilai modal jumlah emas anda.
<b>Emas Prinsipal</b>	Prinsipal tersebut adalah tertakluk kepada ketidaktentuan pasaran emas dan kebarangkalian mengakibatkan kemerosotan nilai emas.

<b>Ketulenan Emas</b>	Bar emas fizikal dengan ketulenan 99.9% dan 91.6% keluaran YaPEIM Gold Sdn. Bhd.										
<b>Mata Wang</b>	Ringgit Malaysia (RM)										
<b>Akaun Semasa/ Simpanan</b>	<p>Anda haruslah mempunyai Akaun Simpanan atau Semasa di mana-mana Bank bagi tujuan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. mendebitkan akaun berkenaan bagi amaun pembelian;</li> <li>ii. mengkreditkan hasil penjualan;</li> <li>iii. mendebitkan fi dan caj (jika ada)</li> </ul>										
<b>Kaedah untuk Membeli/ Menjual Emas</b>	<p>i. <u>Pembelian/penjualan atas talian</u></p> <p>Pembelian/penjualan melalui atas talian merujuk kepada penjualan atau pembelian emas oleh YaPEIM melalui laman web <a href="https://DiYA.yapeim.my">https://DiYA.yapeim.my</a> di komputer atau muat turun aplikasi DiYA (Digital YaPEIM) di Play Store (Android), App Store (iOS) atau Huawei AppGallery di telefon mudah alih. Urus niaga atas talian membenarkan pelanggan untuk membeli atau menjual emas. Penjualan atas talian beroperasi 24 jam sehari dan 7 hari dalam seminggu tertakluk kepada ketersediaan stok emas oleh YaPEIM.</p> <p>ii. <u>Urusniaga di kaunter</u></p> <p>Pelanggan boleh berkunjung ke cawangan Ar Rahnu YaPEIM berhampiran untuk membuat transaksi jual/beli emas berdasarkan Emas Fizikal.</p>										
<b>Pembelian Pertama &amp; Seterusnya</b>	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kaedah Pembelian</th> <th>Pembelian Pertama</th> <th>Pembelian Seterusnya</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Digital</td> <td>Minimum RM 5 (atau bersamaan dalam gram) berdasarkan harga jualan semasa SERY</td> <td>Minimum RM 5 (atau bersamaan dalam gram) berdasarkan harga jualan semasa SERY</td> </tr> <tr> <td>Fizikal</td> <td>Tiada had minimum</td> <td>Tiada had minimum</td> </tr> </tbody> </table>		Kaedah Pembelian	Pembelian Pertama	Pembelian Seterusnya	Digital	Minimum RM 5 (atau bersamaan dalam gram) berdasarkan harga jualan semasa SERY	Minimum RM 5 (atau bersamaan dalam gram) berdasarkan harga jualan semasa SERY	Fizikal	Tiada had minimum	Tiada had minimum
Kaedah Pembelian	Pembelian Pertama	Pembelian Seterusnya									
Digital	Minimum RM 5 (atau bersamaan dalam gram) berdasarkan harga jualan semasa SERY	Minimum RM 5 (atau bersamaan dalam gram) berdasarkan harga jualan semasa SERY									
Fizikal	Tiada had minimum	Tiada had minimum									
<b>Penebusan / Belian Emas oleh Ar Rahnu YaPEIM</b>	<p>Syarat bagi penebusan/ jualan Akaun Emas:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penebusan emas boleh dilakukan di cawangan Ar Rahnu YaPEIM di mana pelanggan membuat transaksi OTC. Cawangan Ar Rahnu YaPEIM beroperasi pada hari perniagaan bermula dari pukul 9.30 pagi sehingga 4.00 petang.</li> <li>ii. Hanya boleh dilakukan oleh orang yang berdaftar di</li> </ul>										

	<p>bawah rekod YaPEIM sebagai pembeli/pemilik emas;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Anda hendaklah menunjukkan MyKad anda, buku simpanan emas dan Borang Penebusan yang lengkap sebagai bukti pemilikan.</li> <li>iv. Jumlah penebusan akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan atau semasa anda.</li> <li>v. Penebusan sebahagian adalah dibenarkan</li> </ul>							
<b>Harga Jualan &amp; Belian oleh YaPEIM (Harga Emas)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Harga Jualan menandakan harga di mana pihak YaPEIM menjual Emas kepada pelanggan. Harga Belian menandakan harga di mana pihak YaPEIM membeli Emas daripada pelanggan.</li> <li>• Harga Jualan &amp; Belian akan dipamerkan di ruang cawangan Ar Rahnu dan media elektronik rasmi SERY.</li> <li>• Harga Belian dan Jualan sebenar akan ditentukan ketika transaksi sebenar dilaksanakan melalui saluran elektronik SERY.</li> <li>• Nilai Ringgit dan berat emas yang sepadan untuk Akaun SERY adalah ditentukan sepenuhnya oleh YaPEIM mengikut prinsip-prinsip Syariah, dengan mengambil kira semua faktor yang mana pihak YaPEIM anggap relevan termasuk keadaan semasa pasaran emas dunia dan tempatan dan ketulenan emas. Pelanggan boleh merujuk laman web rasmi YaPEIM, cawangan-cawangan Ar Rahnu YaPEIM untuk maklumat lanjut. Pelanggan perlu merujuk kepada Nilai Ringgit dan Berat Emas yang sepadan sebelum melaksanakan transaksi jual beli di dalam Akaun SERY.</li> </ul>							
<b>Komisen</b>	<p>Jika anda berkongsi “Introducer ID” anda kepada rakan untuk pendaftaran Akaun SERY, anda layak menerima komisen setiap kali mereka membuat pembelian di Aplikasi DiYA. Pembayaran komisen seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #d3d3d3;"> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Berat (g)</th> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Komisen</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">&lt;500g</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">60% X RM3 = RM1.80/g</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">&gt;= 501g</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">100% X RM3 = RM3.00/g</td> </tr> </tbody> </table> <p><b>Nota:</b> Nilai komisen di atas boleh berubah mengikut kelulusan daripada pihak YaPEIM</p>	Berat (g)	Komisen	<500g	60% X RM3 = RM1.80/g	>= 501g	100% X RM3 = RM3.00/g	
Berat (g)	Komisen							
<500g	60% X RM3 = RM1.80/g							
>= 501g	100% X RM3 = RM3.00/g							
<b>Hari Perniagaan</b>	Mengikut waktu dan hari bekerja biasa cawangan.							
<b>Dokumen yang Diperlukan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MyKad/MyTentera/MyPR/ KP Tentera/KP Polis</li> </ul>							

	<p><b>Nota:</b> Selain daripada yang di atas, anda juga mestilah mengemukakan dokumen lain seperti yang diperlukan oleh YaPEIM melalui KYB</p>											
<b>4. Berapakah caj dan bayaran yang perlu saya bayar?</b>												
<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Yuran Pendaftaran Akaun SERY: RM10 sekali seumur hidup</li> <li>ii. Yuran penukaran Akaun Emas ke Emas Fizikal: RM150 untuk 10gram *tidak termasuk caj penghantaran dan insurans</li> </ul>												
<b>5. Apakah risiko utama?</b>												
<p><b>Risiko Harga Emas</b></p> <p>Harga emas dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya situasi ekonomi dunia, keadaan pasaran, kadar inflasi, keadaan politik, kewangan sama ada di peringkat tempatan ataupun global. Faktor di atas boleh mempengaruhi turun naik harga emas dan boleh menyebabkan Akaun SERY anda tidak memberi pulangan seperti yang anda inginkan. Anda terdedah kepada perubahan atau perbezaan harga emas semasa anda membuat pembelian dan penjualan emas.</p> <p style="text-align: center;"><b>ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMPERTIMBANGKAN SEMUA FAKTOR RISIKO YANG BERKAITAN DENGAN AKAUN SERY SEBELUM MEMBUAT TRANSAKSI EMAS</b></p>												
<b>6. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?</b>												
<p><b>Anda boleh menghubungi kami di:</b></p> <p><b>Surat Menyurat :</b> Koperasi YaPEIM Berhad            Bangunan Pusat Teknologi Dan Inovasi Antarabangsa YaPEIM,            No. 58 &amp; 60, Jalan Kampung Attap,            50460 Kuala Lumpur.</p> <table> <tbody> <tr> <td>No Tel</td> <td>: 03 2272 3597</td> </tr> <tr> <td>Hotline</td> <td>: 1300 88 1230</td> </tr> <tr> <td>Email</td> <td>: arrahnu@yapeim.my</td> </tr> <tr> <td>Laman sesawang</td> <td>: <a href="https://www.arrahnuyapeim.net/">https://www.arrahnuyapeim.net/</a></td> </tr> <tr> <td>Waktu Operasi</td> <td>: Isnin-Jumaat (8.30 pagi - 5.30 petang)            Sabtu, Ahad &amp; Cuti Umum (Tutup) atau lawati mana-mana cawangan Ar Rahnu YaPEIM di seluruh negara.</td> </tr> </tbody> </table>			No Tel	: 03 2272 3597	Hotline	: 1300 88 1230	Email	: arrahnu@yapeim.my	Laman sesawang	: <a href="https://www.arrahnuyapeim.net/">https://www.arrahnuyapeim.net/</a>	Waktu Operasi	: Isnin-Jumaat (8.30 pagi - 5.30 petang) Sabtu, Ahad & Cuti Umum (Tutup) atau lawati mana-mana cawangan Ar Rahnu YaPEIM di seluruh negara.
No Tel	: 03 2272 3597											
Hotline	: 1300 88 1230											
Email	: arrahnu@yapeim.my											
Laman sesawang	: <a href="https://www.arrahnuyapeim.net/">https://www.arrahnuyapeim.net/</a>											
Waktu Operasi	: Isnin-Jumaat (8.30 pagi - 5.30 petang) Sabtu, Ahad & Cuti Umum (Tutup) atau lawati mana-mana cawangan Ar Rahnu YaPEIM di seluruh negara.											

**PERINGATAN:**

PULANGAN EMAS ADALAH DARI KENAIKAN PEMBELIAN PERMULAAN OLEH PELANGGAN DAN TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN SEMASA PASARAN EMAS

*Maklumat yang diberikan dalam Risalah Pendedahan Produk ini dikeluarkan pada 27 Oktober 2021 dan akan sah sehingga semakan berkala seterusnya.*